



Kawalan Kanabis di Malaysia

| oleh Nur Azzalia Kamaruzaman

Kanabis merupakan sejenis tumbuhan berbunga yang terdiri daripada tiga spesies, iaitu *Cannabis Sativa*, *Cannabis Indica* dan *Cannabis Ruderalis*. Tumbuhan daripada keluarga *Cannabaceae* ini mempunyai lebih daripada 400 bahan kimia, dan 60 daripadanya merupakan bahan kimia kelas kanabinoid. Dua bahan aktif utama kelas kanabinoid yang paling banyak terdapat dalam kanabis ialah delta-9-tetrahydrocannabinol (THC) dan cannabidiol (CBD). Kedua bahan ini mempunyai struktur molekul yang serupa, namun susunan atomnya adalah berbeza. Ini mempengaruhi kesannya terhadap tubuh manusia apabila ia diambil. THC mempunyai kesan psikoaktif yang akan mengakibatkan pengambilnya mengalami khayal manakala CBD tidak.

Baru-baru ini, dua keputusan besar berkaitan kanabis telah dibuat di peringkat antarabangsa. Pertama, pada 19 November 2020, Mahkamah Tinggi Kesatuan Negara-negara Eropah (EU) telah memutuskan bahawa CBD bukannya bahan narkotik — '*CBD tidak boleh dikelaskan sebagai narkotik di bawah Konvensyen Bangsa-bangsa Bersatu 1961, kerana CBD tidak mendatangkan kesan psikotik atau memudaratkan terhadap kesihatan manusia*'.

Kedua, pada 2 Disember 2020 pula, Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Dadah Narkotik (*United Nations Commission on Narcotic Drugs, CND*) telah meluluskan cadangan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organization, WHO*) untuk mengeluarkan kanabis dan resin kanabis dari klasifikasi Jadual IV di bawah Konvensyen Tunggal 1961 bagi Dadah Narkotik (*1961 Single Convention*

on Narcotic Drugs). Pengeluaran kanabis dari klasifikasi Jadual IV bermaksud kanabis tidak lagi diklasifikasikan sebagai bahan yang paling berbahaya dan diakui mempunyai faedah perubatan. Ini adalah langkah yang dapat membuka peluang untuk pengembangan penyelidikan kanabis untuk penggunaan perubatan.

Namun begitu, pihak berkuasa di Malaysia masih belum membuat apa-apa keputusan berkenaan perkara ini. Oleh itu, kanabis, resin kanabis, ekstrak kanabis dan *tincture* kanabis masih dikategorikan sebagai dadah berbahaya dan tertakluk dibawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan juga racun yang tertakluk kepada Akta Racun 1952. Produk berasaskan kanabis untuk kegunaan rawatan perubatan manusia juga tertakluk dibawah Akta Jualan Dadah 1952. Akta-akta ini dan peraturan-peraturannya memperuntukkan kawalan terhadap pengendalian kanabis, antaranya pengimportan, pengeksportan, penjualan, pembekalan, pengilangan, penanaman, pemilikan dan penggunaan.

Secara terperinci, kanabis disenaraikan di bawah Jadual 1 dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mengharamkan penanaman, pengeluaran, pengedaran, import, eksport, pemilikan dan penyalahgunaannya. Selain itu, pemilikan 200 gram kanabis boleh membawa hukuman mati, manakala menanam enam pokok tumbuhan itu boleh dikenakan penjara seumur hidup dan tidak kurang enam sebatan. Hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan berkaitan pemilikan kanabis adalah seperti berikut:

VAPE: ROKOK ZAMAN MODEN (Siri 1)

Adakah sejarah akan berulang kembali?

| oleh Sulastri Samsudin

Fenomena menghisap *vape* pada masa kini, umpama mengulangi sejarah silam penerimaan rokok dalam kalangan masyarakat. Jika suatu ketika dahulu, rokok ditonjolkan sebagai satu imej dan gaya berprestij oleh syarikat tembakau, kini *vape* pula telah menjadi trend bukan sahaja dalam kalangan lelaki tetapi juga golongan wanita dan kanak-kanak dengan rekabentuk yang menarik dan mengelirukan beserta maklumat yang telah dimanipulasikan.

Ini dibuktikan dengan peningkatan bilangan perokok elektronik yang telah naik secara mendadak dalam tempoh yang singkat ini. Pada tahun 2016, penghisap *vape* dewasa adalah 3.2% bersamaan dengan 600 ribu orang, manakala dalam kalangan remaja pula 300 ribu telah terbabat dengan gejala ini pada ketika itu. Tidakkah anda bimbang jika tabiat menghisap *vape* akan mempengaruhi ahli keluarga anda? Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa kanak-kanak atau remaja yang menggunakan *vape* atau rokok elektronik mempunyai dua kali ganda risiko untuk menghisap rokok pada masa akan datang!

Justeru itu, *vape* bukanlah pilihan untuk berhenti merokok. Sebaliknya ia hanya peralihan bentuk ketagihan sahaja dengan risiko kesihatan yang berlainan. Malahan tinjauan awal mendapati lebih 80% penghisap *vape* tidak berhenti merokok sebaliknya berakhir menjadi pengguna kepada kedua-dua produk tersebut.

Jika ingin berhenti merokok, yakin dan percayalah dengan saranan pengamal perubatan anda untuk menggunakan terapi ubat-ubatan yang diiktiraf dan telah dikaji keselamatannya. Berhenti menghisap *vape* atau jangan mulakan! ■

Ringkasan seksyen-seksyen penting Akta Dadah Berbahaya 1952		
Seksyen	Kesalahan	Hukuman
39A(1)	Memiliki 20-50gm kanabis	Penjara tidak kurang daripada 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun dan rotan tidak kurang daripada 3 kali dan tidak melebihi 9 kali sebatan.
39A(2)	Memiliki 51-200gm kanabis	Penjara seumur hidup atau tidak kurang daripada 5 tahun dan rotan tidak kurang daripada 10 kali sebatan.
39B	Memiliki 200gm atau lebih kanabis	Hukuman mati atau penjara seumur hidup dan rotan tidak kurang daripada 15 kali sebatan.
6	Memiliki kanabis atau biji benih kanabis	Denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya.

Kawalan Penanaman Kanabis


Seksyen 6B(1), Akta Dadah Berbahaya 1952 menyatakan bahawa kanabis **tidak boleh ditanam di Malaysia**. Adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang yang menanam atau membenarkan penanaman kanabis. Walau bagaimanapun, seksyen 6B(2) akta yang sama memperuntukkan Menteri Kesihatan Malaysia boleh memberikan kebenaran kepada mana-mana **pegawai awam** untuk menanam kanabis bagi tujuan sama ada penyelidikan, pembelajaran, eksperimen atau perubatan dengan tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh ditetapkan dalam kebenaran tersebut. Dalam konteks ini, **pegawai awam (public officer)** adalah merujuk kepada individu yang berkhidmat di institusi kerajaan yang memegang jawatan serta menjalankan tugas rasmi di pejabat itu sendiri (*Akta Tafsiran 1948 dan 1967*).

Kawalan Pengimportan Kanabis

Selain itu, pengimportan kanabis termasuklah bunga, ekstrak kanabis atau *tincture* kanabis yang merupakan racun dan dadah berbahaya hanya boleh dilakukan oleh pengimport yang mempunyai Lesen Jenis A di bawah Akta Racun 1952 dan kebenaran import di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Aktiviti lain yang bersangkutan dengan pengimportan kanabis, ekstrak kanabis atau *tincture* kanabis bagi tujuan penghasilan produk untuk kegunaan rawatan perubatan manusia seperti penjualan atau pembekalan, pengilangan, pemilikan atau penggunaan juga hanya boleh dilakukan oleh orang tertentu yang mempunyai lesen, kebenaran atau pengecualian yang diperuntukkan di bawah Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952 dan Akta Dadah Berbahaya 1952. ■

FAKTA VAPE

Pengguna *vape* telah meningkat lebih ½ juta orang dalam tempoh 3 tahun & majoriti pengguna berusia dalam lingkungan 20-24 tahun (15%).




APAKAH ROKOK ELEKTRONIK/VAPE?

| oleh Normaliza Abdul Manaf

Kementerian Kesihatan Malaysia mendefinisikan peranti elektronik yang mengandungi nikotin adalah dirujuk sebagai 'rokok elektronik' (eCig), sementara yang tidak mengandungi nikotin, adalah dirujuk sebagai Vape.

ANATOMI VAPE



BAGAIMANA IA BERFUNGSI?

Bateri mengalirkan elektrik ke katrij kemudian memanaskan cecair dalam katrij yang kemudiannya mengubah cecair menjadi wap.

KANDUNGAN DAN KESAN BAHAN KIMIA DALAM VAPE/ eCig

Bahan Kimia/Kesannya	VAPE	eCig
<p>Nikotin</p> <p>Disenaraikan di bawah Akta Racun 1952</p> <p><i>Kesan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Menyebabkan ketagihan dan kebergantungan fisiologi. Menggalakkan pembekuan darah. Mengganggu proses perkembangan bayi di dalam kandungan. Gangguan pada perut dan usus. Sawan dan kegagalan pernafasan. Menyebabkan kematian. <p>Had kepekatan: Tidak dibenarkan (0 ng/mL).</p>	✗	✓
<p>Propalina Glikol</p> <p>Merupakan bahan sintetik yang berasal dari petroleum. Ia bersifat cerah dan tidak berbau.</p> <p><i>Kesan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Jangka pendek - iritasi kepada mata, tekak dan saluran pernafasan. Kegatalan tekak, sakit tekak dan ruam-ruam kecil. Jangka panjang - menyebabkan penyakit asma. Apabila dipanaskan akan membebaskan formaldehid (formaldehide) iaitu sejenis bahan yang boleh menyebabkan kanser. 	✓	✓
<p>Gliserin Sayuran</p> <p>Gliserine merupakan minyak tumbuhan yang bersifat tidak berwarna, tidak berbau, dan manis sedikit.</p> <p><i>Kesan</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Mulut cepat rasa kering dan sakit tekak. Iritasi lapisan kulit dan mata. Kerosakan kepada organ dalaman. 	✓	✓
<p>Bahan Perisa</p> <p>Terdapat pelbagai jenis bahan perisa yang digunakan dalam cecair vape/eCig yang terdapat di pasaran.</p> <p>Kajian in-vitro mendapati, bahan-bahan ini mampu membunuh sel tubuh terutamanya sel-sel paru-paru, otak dan lapisan kulit – sitotoksiti.</p>	✓	✓

Ulat Bulu Laut: Cantik tetapi Berbahaya

oleh Mahiya Nabilla Rosaria Abdul Hamid

Pengenalan

Tahukah anda bahawa di dalam lautan juga terdapat ulat bulu? Walaupun dipanggil ulat bulu, tetapi sebenarnya ia adalah sejenis cacing bersegi yang mana pada setiap segmen itu terdapat duri-duri (*bristle*) halus berbisa yang digunakan sebagai alat mempertahankan diri. Ulat bulu laut atau dalam Bahasa Inggeris dipanggil *bristle worm*, tergolong dalam keluarga Amphinomidae, kelas Poliketa (*Polychaeta*), filum cacing Annelida (*Phylum Annelida*). Poliketa merujuk kepada bahasa latin yang bermaksud 'banyak duri atau *bristle*'. *Fireworm* (*Chloeia flava*) pula merupakan sejenis daripada pelbagai jenis *bristle worm*. Kebanyakan *bristle worm* berwarna merah jambu manakala *fireworm* pula mempunyai bahagian belakang yang agak gelap tetapi warnanya keseluruhannya lebih menyerlah. Ringkasnya, semua *fireworm* adalah *bristle worm* tetapi bukan semua *bristle worm* adalah *fireworm*.

Meskipun ulat bulu laut ini tidak agresif, namun ia akan menyerang apabila disentuh dengan cara memancarkan duri-duri halus dan tajam keluar dari segmen badannya. Toksin dibebaskan apabila duri-duri halus menembusi permukaan kulit mangsa. Apabila tersentuh, mangsa akan mengalami kesakitan yang amat sangat dengan serta merta. Kadar atau tahap neurotoksisiti adalah berbeza mengikut spesis ulat bulu laut.

Ulat bulu laut ini boleh dijumpai di kawasan berpasir dan di bahagian bawah batu berhampiran terumbu karang. Mereka akan menggali lapisan-lapisan di antara pasir untuk mencari sumber makanan. Ciri unik ulat bulu laut ini adalah saluran pemakanannya yang boleh memuncung keluar kerana tidak mempunyai rahang yang tersendiri. Nelayan kerap terjumpa ulat bulu laut terperangkap di dalam pukat dan sekali sekala tersangkut pada umpan ikan dan udang mereka. Musim mengawan adalah antara bulan April hingga Mei setiap tahun dan ulat bulu laut boleh dilihat berenang di dasar laut pada waktu malam.

Sengatan ulat bulu laut boleh mengakibatkan gejala berikut:

- * gatal-gatal
- * kulit kemerahan
- * bengkak
- * kepedihan kulit seperti rasa terbakar
- * semut-semut atau kekebasan
- * lumpuh
- * kematian (sekiranya mangsa alah kepada toksin)



Kesan seperti alahan (keradangan, kepedihan, bengkak dan lain-lain) boleh berlarutan antara beberapa hari hingga ke berminggu-minggu.

Langkah Berjaga-jaga

- * Pakai kasut bertutup dan seluar panjang menutupi permukaan kulit yang terdedah kepada air.
- * Sekiranya terjumpa haiwan ini pantai, ELAKKAN daripada menyentuhnya.
- * Pakai sarung tangan yang tebal (jika terpaksa mengalihkan atau memegang ulat bulu laut).

Sekiranya Disengat

- * Bilas bahagian badan yang terkena sengatan dengan cuka (asid asetik) atau alkohol isopropil 70%.
- * Buang/tarik keluar duri halus yang terbenam pada kulit dengan menggunakan penyepit kecil atau pita pelekat.
- * Segera ke pusat kesihatan terdekat untuk mendapatkan rawatan lanjut sekiranya mengalami kesan alahan atau gejala-gejala lain akibat terkena sengatan. ■




FAKTA NOMBOR

Daripada keseluruhan kes keracunan melibatkan ubat-ubatan:


47 % adalah kes bunuh diri
30.5 % kes keracunan tidak disengajakan
5.0% penyalahgunaan ubat
17.5% lain-lain

Keracunan **UBAT - UBATAN** adalah paling kerap dilaporkan ke Pusat Racun Negara. Ia menyumbang kepada **36%** daripada keseluruhan kes keracunan.



3 kategori ubat yang paling kerap dilaporkan adalah:


- 1) Ubat-ubatan psikiatrik (3845 kes) 21%
- 2) Ubat sapu /kegunaan luar (3324 kes) 18%
- 3) Ubat tahan sakit (2527 kes) 14%



Ubat-ubatan psikiatrik



Ubat sapu / kegunaan luar



Ubat tahan sakit

Nota: Semua fakta ini adalah berdasarkan panggilan kes keracunan yang diterima Pusat Racun Negara daripada tahun 2006 hingga 2017

Patah Tumbuh, Hilang Berganti

oleh Rosman Ahmad



26 November 2020, Pusat Racun Negara (PRN) kehilangan seorang lagi pengarah apabila YBhg. Profesor Dato' Dr. Haji Mohamed Isa Abd Majid telah bersara wajib setelah banyak menyumbang kepada kemajuan PRN semenjak pelantikan beliau sebagai pengarah pada tahun 2017. Dato' Mohamed Isa merupakan antara tonggak tertubuhnya PRN lebih 25 tahun lalu. Antara pencapaian cemerlang PRN sepanjang pentadbiran beliau ialah PRN telah diiktiraf sebagai satu-satunya Pusat Kecemerlangan berasaskan Perkhidmatan dalam USM dan pencapaian MyRA sepanjang 3 tahun dengan nilai purata 75 markah. PRN juga telah berjaya menganjurkan 18th *Scientific Congress of the Asia Pacific Association of Medical Toxicology (APAMT) 2019*.

Sepanjang 3 tahun ini juga PRN telah bekerjasama dengan pelbagai agensi dalam melaksanakan program-program dalam mendidik masyarakat berkaitan bahaya racun makhluk perosak, bahaya bahan kimia kegunaan isi rumah dan pelbagai lagi. Satu lagi sumbangan beliau ialah membangunkan sistem MyTox Data, iaitu sistem yang membantu mempermudah perkhidmatan Maklumat Ubat dan Racun PRN. Sistem ini juga telah dilesenkan kepada Pusat Racun Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Semenjak beliau mengambil alih jawatan pengarah di PRN, antara permintaan pertama beliau ialah untuk menerbitkan semula Buletin PenawaRacun, buletin rasmi PRN yang telah lama terhenti penerbitannya. Penerbitan sebanyak 2 kali setahun masih berterusan hingga sekarang.

PRN ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada YBhg. Dato' atas bimbingan, tunjuk ajar dan galakan dalam memastikan PRN sentiasa berdaya saing dalam mempromosikan kesihatan dalam kalangan masyarakat. Kami percaya, Dato' akan terus membantu PRN khususnya dan USM amnya sama ada secara langsung maupun tidak langsung dalam memastikan kecemerlangan PRN dan USM yang berterusan.

Tanggal 27 November 2020, Pengarah baharu PRN, Profesor Madya Dr. Balamurugan Tangiisuran telah melaporkan diri di PRN. Beliau bukanlah orang asing dalam kalangan warga PRN kerana beliau adalah pensyarah pinjaman daripada Pusat Pengajian Sains Farmasi di PRN sehingga Jun 2020. Dalam ucap terna sebagai pengarah PRN, beliau telah menegaskan bahawa beliau akan meneruskan kesinambungan PRN dengan menerapkan beberapa perubahan baru untuk memantapkan lagi perkhidmatan PRN seterusnya memastikan kecemerlangan PRN. Beliau juga memohon agar buletin PenawaRacun ini dapat diterbitkan 4 kali setahun bermula Mac 2021. Warga PRN berharap dengan pentadbiran dan pengurusan yang telus dan terbuka ini, PRN akan terus unggul dan cemerlang dalam memberikan perkhidmatan dan mempromosikan kesihatan di dalam dan luar USM. ■



Lawatan Naib Canselor ke PRN 24 November 2020



Julung kalinya, Naib Canselor USM membuat kunjungan ke PRN. Tujuan asalnya ialah untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada Profesor Dato' Dr. Haji Mohamed Isa Abd Majid yang bersara wajib pada 26 November 2020.

Penyerahan MyToxData kepada Pusat Racun Universiti Islam Antarabangsa Malaysia 24 November 2020



PRN dan Pusat Racun Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah menjalin kerjasama dimana PRN bertindak sebagai mentor dalam memantapkan perkhidmatan Pusat Racun UIAM. Dalam merealisasikan kerjasama ini, PR UIAM telah bersetuju untuk menggunakan sistem MyToxData yang telah dibangunkan oleh PRN semenjak 2 tahun yang lalu. Acara ini telah dilaksanakan secara dalam talian merangkaikan tiga lokasi, UIAM Kuantan, PR-UIAM Gombak dan PRN Pulau Pinang.

Pegawai Farmasi DPIU bersama Bernama Radio
28 Ogos 2020 dan 14 September 2020



**MAHIYA NABILLA ROSARIA
BINTI ABDUL HAMID**
Pegawai Farmasi
Pusat Racun Negara, USM

**BERNAMA
RADIO**
KEMENTERIAN
KESIHATAN
MALAYSIA

www.pharmacy.gov.my
www.knowyourmedicines.gov.my

28 OGOS
BERNAMA RADIO

**Overdose Ubat,
Apa Nak Buat?**

28 Ogos 2020 (Jumaat)
8.30 pagi
Frekuensi: 93.9 Kuala Lumpur

Program Perkhidmatan Farmasi Duta Kenali Ubat Anda

Program Latihan *Subspeciality in Clinical Toxicology*
17-28 Ogos 2020



PRN menawarkan latihan sangkutan dalam bidang Toksikologi dan Maklumat Ubat-ubatan dan Racun. Dr Reza, seorang doktor perubatan dari Hospital Melaka telah melakukan latihan 'Subspeciality in Clinical Toxicology' dari 17 hingga 28 Ogos di PRN.



SELANGOR FM

PERSPEKTIF KESIHATAN
Isnin, 14 September 2020 | 3.15 - 3.45 petang

**"Overdose Ubat,
Apa Nak Buat"**

Puan Adilah Mohamed Ariff
Pegawai Farmasi
Pusat Racun Negara, USM Penang

SELANGOR FM
100.9MHz - Pulau Pinang
SELANGORFM100.9
SELANGORFM_RTM
SelangorFM 100.9MHz - Official
+6019-3304423
http://selangorfm.gov.my

**Sembang Santai Kediaman Selamat sempena
Karnival Hari Malaysia**
16 September 2020



Puan Sazaroni, pegawai farmasi PRN berkongsi ilmu berkaitan "Keracunan di rumah" di slot Sembang Santai Kediaman Selamat sempena Karnival Hari Malaysia anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.


Dua orang Pegawai Farmasi PRN telah dijemput untuk bersiaran bersama Bernama Radio dan Selangor FM dengan tajuk "Overdose ubat, apa nak buat?" Cik Mahiya dan Puan Adilah telah membincangkan apakah tindakan yang perlu diambil apabila secara sengaja atau tidak kita mengambil ubat secara berlebihan.

Seminar Keselamatan, Pengendalian dan Teknik Aplikasi Racun 8-9 September 2020



PRN telah dijemput untuk berkongsi kepakaran dalam libatsama strategik di antara Syngenta Crop Protection Sdn. Bhd. dan Jabatan Pertanian Malaysia. Pihak PRN terlibat menyampaikan 2 slot perkongsian berkaitan “Kesan Racun Perosak kepada Manusia dan Tindakan Jika Berlaku Keracunan di Lapangan.

Sambutan Minggu Kesedaran Antibiotik Sedunia 18-24 November 2020



Sempena Minggu Kesedaran Antibiotik Sedunia 2020, Pusat Racun Negara sebagai PUSAT KERJASAMA SERANTAU BAGI MAKLUMAT UBAT PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA telah menganjurkan Kuiz Kesedaran Online. Penyertaan kuiz ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia melalui platform media sosial Facebook Rasmi PRN.

Sidang Redaksi



Ketua Penyunting

Profesor Madya Balamurugan Tangiisuran



Penyunting Kanan

Rosman Ahmad

Penyelaras Kandungan



Nur Afni Amir

Penyunting



Sulastri Samsudin



Mohd Fadhli Razali



Nur Afni Amir



Dr Noraryana Hassan



Web Master

Natrah Mustapha

Grafik dan Layout

Rosman Ahmad

Pengarang

Mahiya Nabilla Rosaria Abdul Hamid

Dr. Normaliza Abdul Manaf

Dr. Nur Azzalia Kamaruzaman

Rosman Ahmad

Sulastri Samsudin



9771394523800

Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang

04 657 0099

04 656 8417

<https://www.facebook.com/prnsm/>

prnnet.usm.my

<https://www.prn.usm.my>